



## SIARAN MEDIA

### MAKLUMAN PERTUKARAN PENGARAH JABATAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Majlis Perbandaran Selayang ingin memaklumkan bahawa satu sesi pertukaran pengarah di beberapa jabatan telah dibuat berkuatkuasa pada 15 Mac 2019. Pertukaran Ini dibuat melibatkan pengarah Jabatan seperti berikut:

- Puan Zulaina binti Abu Talib, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan ditempatkan sebagai Pengarah Jabatan Audit Dalam
- Puan Norhayati binti Ahmad, Pengarah Jabatan Audit Dalam ditempatkan sebagai Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan
- Lt.Kol.(B) Hj. Azmi bin Ismail, Pengarah Jabatan Penguatkuasa ditempatkan sebagai Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat.
- Puan Mazurah binti Mohamed, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat ditempatkan sebagai Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan

Pertukaran ini dibuat selepas perbincangan Tuan YDP MPS bersama pengurusan atasan bagi meningkatkan lagi kompetensi jabatan yang terlibat. MPS percaya bahawa dengan kredibiliti, pengalaman dan pengetahuan para pengarah yang baru dilantik ini, mereka akan dapat melaksanakan tanggungjawab yang diberi dengan cemerlang, berkesan dan telus dalam meneruskan misi penyampaian perkhidmatan yang lebih cemerlang.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh :

**EN. MOHAMAD ZIN BIN MASOAD A.M.S.**

Pengarah  
Jabatan Korporat  
b/p Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang

03-6126 5800/019-280 7788

Tarikh dikeluarkan : 18 Mac 2019